



SURUHANJAYA PILIHAN RAYA MALAYSIA

## KENYATAAN MEDIA

BIL. 69 / 2019

### SPR AKUR KEPUTUSAN MAHKAMAH PILIHAN RAYA BERKENAAN PARLIMEN P.176 KIMANIS

1. Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR) mengambil maklum akan keputusan Mahkamah Pilihan Raya di Kota Kinabalu, Sabah pada hari ini yang mengisyiharkan bahawa kemenangan Datuk Seri Hanifah Bin Aman di kerusi Parlimen P.176 Kimanis pada Pilihan Raya Umum Ke-14 lalu sebagai batal dan tidak sah. Berdasarkan keputusan tersebut, kerusi P.176 Kimanis diisyiharkan kosong dan Pilihan Raya Kecil (PRK) hendaklah diadakan.
2. Namun memandangkan pihak-pihak terlibat mempunyai hak untuk merayu, pilihan raya kecil hanya akan diadakan sekiranya tiada rayuan atau proses rayuan di Mahkamah Persekutuan telah selesai sepenuhnya. Di bawah peruntukan undang-undang, SPR hendaklah mengisi kekosongan kerusi tersebut dalam tempoh 60 hari dari tarikh kekosongan dipastikan.
3. Buat masa ini, SPR perlu menunggu perakuan keputusan Mahkamah Pilihan Raya atau sehingga tempoh 14 hari untuk rayuan tamat bagi tindakan selanjutnya. SPR sentiasa bersedia untuk menjalankan PRK sekiranya ia perlu diadakan.

Sekian, terima kasih.

**AZHAR AZIZAN HARUN**

Pengerusi

Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) Malaysia

Tarikh: 16 Ogos 2019 / 15 Zulhijjah 1440H